

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah sebab-sebab kelewatan penyempurnaan pembinaan baru Sekolah SJK(T) Sungai Reyla di tapak baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Sungai Reyla, Sungai Siput, Perak yang dilaksanakan secara Reka dan Bina ini telah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) pada 28 Mei 2014. Tarikh Milik Tapak adalah pada 28 Jun 2014 dan Tarikh Siap Asal adalah pada 26 Jun 2016. Bagaimanapun, projek ini telah diluluskan Lanjutan Tempoh Masa (EOT) sebanyak 204 hari menjadikan tarikh siap baharu projek adalah pada 18 Januari 2017. Namun begitu, sehingga ke tarikh tersebut projek ini tidak dapat disiapkan sepenuhnya.

Antara punca kelewatan penyiapan projek ini adalah disebabkan kegagalan kontraktor menyiapkan baki kerja seperti kerja bekalan elektrik, kerja-kerja penurapan jalan dan pematuhan syarat-syarat Kebenaran Merancang (KM) daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang dalam proses penamatan kontrak dan seterusnya kontraktor penyiap akan dilantik. KPM komited untuk menyiapkan projek ini demi memenuhi keperluan pendidikan murid di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.